



23 MAR, 2024

JKDM gagalkan cubaan seludup dadah bernilai RM875.160

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2



TARANI LANTING

SIBU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sibu berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk dadah jenis Methamphetamine seberat 26.52 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM875,160 ke Sarawak.

Pengarah Kastam Negeri Sarawak Norizan Yahya berkata pada 13 Mac, lebih kurang 11.55 pagi, sepasukan Pegawai Kastam dari Unit Pemeriksaan Penumpang (UPP), Lapangan Terbang Sibu dengan kerjasama Cawangan Penguatkuasaan Sibu telah menahan seorang lelaki warga tempatan berusia 20-an yang tiba di Lapangan Terbang Sibu.

Menurutnya, lelaki berkenaan ditahan oleh pihak Kastam sebaik sahaja imej imbasan ke atas kotak yang dibawa menunjukkan tanda positif bahan narkotik.

"Pemeriksaan lanjut ke atas kotak tersebut membawa kepada penemuan sejumlah 13 bungkusan mengandungi serbuk kristal yang disyaki dadah berbahaya jenis Methamphetamine dengan berat kasar 13.26kg dan nilai pasaran dianggarkan RM437,580.

"Siasatan awal mendapati lelaki berkenaan disyaki sebagai keldai dadah yang bertanggungjawab untuk membawa masuk dadah berkenaan ke Sarawak.

"Mahkamah Majistret Sibu telah mengeluarkan perintah reman selama enam hari bermula 14 Mac ke atas lelaki tersebut bagi tujuan

siasatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam kes berasingan pada 14 Mac, lebih kurang 12.00 tengah hari, JKDM Sibu telah menyita sebuah kotak yang tidak dituntut di Lapangan Terbang Sibu dengan pemeriksaan awal oleh UPP ke atas kotak yang ditinggalkan itu menunjukkan tanda positif bahan narkotik.

Norizan berkata, hasil pemeriksaan rapi yang dijalankan oleh pasukan Cawangan Penguatkuasaan Sibu telah menemui sejumlah 13 bungkusan disyaki dadah berbahaya jenis Methamphetamine dengan berat kasar 13.26kg dengan nilai pasaran dianggarkan bernilai RM437,580.

"Cawangan Penguatkuasaan Sibu sedang berusaha untuk mengesan individu yang meninggalkan kotak berkenaan di Lapangan Terbang Sibu.

"Modus operandi bagi kes ini adalah membawa masuk bahan narkotik dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak secara transit dan diletakkan di dalam kotak bersama makanan ringan bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Berdasarkan jumlah berat dadah yang diperolehi, rampasan ini telah berjaya dibanteras daripada diedarkan kepada 132,600 penagih dadah," katanya.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Seseorang yang ditangkap dibawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya boleh dihukum

dengan penjara seumur hidup dan sekiranya hukuman yang diberikan oleh mahkamah adalah hukuman penjara seumur hidup, tertuduh hendaklah juga disebat tidak kurang 15 sebatan," katanya.

Norizan menambah, bagi tempoh Januari hingga 19 Mac, JKDM Sibu telah merekodkan rampasan dadah jenis Methamphetamine sebanyak 41.95kg yang dianggarkan bernilai RM1,384,350 di Lapangan Terbang Sibu.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang ramai supaya membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan dadah dan barangan lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut.

Jelasnya, penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ia, turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

"Mohon kerjasama dari seluruh ahli masyarakat untuk bersama-sama berganding bahu membanteras aktiviti pengedaran dadah untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

"Selain itu, orang awam juga digesa untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.

"Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan," katanya.



23 MAR, 2024

JKDM gagalkan cubaan seludup dadah bernilai RM875.160

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SIBU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sibu berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk dadah jenis Methamphetamine seberat 26.52 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM875,160 ke Sarawak. Pengarah Kastam Negeri Sarawak Norizan Yahya berkata pada 13 Mac, lebih kurang 11.55 pagi, sepasukan Pegawai Kastam dari Unit Pemeriksaan Penumpang (UPP), Lapangan Terbang Sibu dengan kerjasama Cawangan Penguatkuasaan Sibu telah menahan seorang lelaki warga tempatan berusia 20-an yang tiba di Lapangan Terbang Sibu.